# LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
## JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa memohon untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut:-

| BIL | JAWATAN | GRED | KLASIFIKASI | TARAF JAWATAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)** | **W19** | **PERKHIDMATAN KEWANGAN** | **KONTRAK/ TETAP** |

(a) Jawatan : **PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)**

----------------------------------------------------------------------

(b) Badan Berkanun: Lembaga Pembangunan Tioman

(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

(d) Jadual Gaji :

| | | |
|---|---|---|
| **Gaji Minimum** | **:** | **RM1,353.00** |
| **Gaji Maksimum** | **:** | **RM4,005.00** |
| **Kadar Kenaikan Gaji Tahunan** | **:** | **RM100.00** |

**SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan jawatan ini hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut;

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang dari *18 tahun* pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut;

[Gaji Permulaan ialah : RM1,353.00]; atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan ialah : RM1,409.40]; atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan ialah : RM1,409.40]; atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan ialah : RM1465.80]; dan

(v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan ialah : RM1465.80]; dan

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**KENYATAAN AM**

a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga

**TEMPOH PERCUBAAN DAN LATIHAN**

Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun. Pegawai dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan yang berkenaan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**CARA-CARA MEMOHON**

(a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan, LPT/PJT/1/797 yang boleh didapati di Pejabat Lembaga Pembangunan Tioman Tanjung Gemok dan Pejabat Lembaga di Pulau Tioman atau di muaturun melalui pautan berikut: http://tioman.gov.my/BORANG%20PERMOHONAN%20JAWATAN%20TDA.pdf

(b) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan Salinan Sijil atau salinan keputusan peperiksaan bagi kelayakan yang disyaratkan, Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran yang telah **DISAHKAN**.

(c) Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini dan Laporan Penilaian Prestasi.

b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

**ALAMAT DAN TARIKH TUTUP**

Borang permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan **sebelum atau pada 16 Disember 2016** kepada:

**PENGURUS BESAR**
**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**
**No. 1 & 2**
**JALAN ENDAU ROMPIN**
**TG. GEMOK, 26820 KUALA ROMPIN**
**PAHANG DARUL MAKMUR**